

Abdullah gembira bertemu pelajar Malaysia di Moscow

UM : Khamis 21/6/2007

MOSCOW 20 Jun - Gembira, bangga dan terharu. Itulah yang tergambar pada wajah Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada majlis pertemuan dengan para pelajar di sini, malam tadi.

Selepas sahaja menghadiri majlis makan malam yang dihoskan oleh Presiden Rusia, Vladimir Putin, Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah bergegas ke World Trade Center tempat berlangsungnya pertemuan tersebut.

Lebih 200 pelajar yang menanti beliau memberikan tepukan bergemuruh sambil berdiri sebaik sahaja pasangan tersebut melangkah masuk ke dewan.

Biarpun terpaksa membahagikan masa untuk dua majlis makan malam yang hampir serentak, ternyata Abdullah kelihatan ceria sambil diiringi Jeanne.

Sebahagian pelajar kemudian bergegas ke hadapan untuk merakamkan gambar pasangan tersebut, yang baru dijabkabulkan pada 9 Jun lalu.

Ketika berucap, Perdana Menteri menerima beberapa kali sorakan dan tepukan.

Yang lebih mengharukan beliau apabila kesemua pelajar yang hadir menyanyikan lagu-lagu patriotik penuh bersemangat dengan dipimpin kumpulan koir daripada kalangan mereka.

"Saya gembira dapat berjumpa dengan anda semua. Saya juga bangga dengan semangat tinggi yang ditunjukkan dari awal majlis lagi," katanya.

Dalam ucapannya, Abdullah mengajak generasi muda terutama pelajar di seberang laut menghayati sambutan kemerdekaan ke-50 pada 31 Ogos ini dengan menguasai ilmu dan membina kekuatan untuk bersaing bagi menghadapi cabaran yang kian kompleks.

"Kita tidak punya pilihan apatah lagi cuma tinggal 13 tahun menjelang tahun 2020. Kita mesti menjadi masyarakat maju yang cemerlang," katanya.

Menurut beliau, Malaysia memerlukan modal insan yang cemerlang, rakyat yang bekerja keras dan pertumbuhan ekonomi yang lebih rancak demi untuk masa depan generasi muda negara.

Pada akhir majlis, para pelajar dari semua kaum mengerumuni beliau dan isteri untuk berjabat tangan dan bera-mah mesra. Abdullah dan Jeanne kelihatan terharu dengan kemesraan yang ditunjukkan para pelajar itu.

Sementara itu, turut hadir pada majlis tersebut ialah dua calon angkasawan Malaysia, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor dan Kapten Dr. Faiz Khaled yang kini berada di Rusia bagi menjalani latihan menjelang misi ke Stesen Angkasa Lepas pada Oktober depan.

Perdana Menteri dan isteri bertanyakan perkembangan mereka dan memberikan kata-kata perangsang.

Menurut Dr. Sheikh Muszaphar dan Dr. Faiz, mereka gembira dapat menemui Perdana Menteri dan isteri.

- Utusan